

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 9 OGOS 2018 (KHAMIS)

SOALAN : 26

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk menaik taraf atau meningkatkan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan di semua lapangan terbang seluruh negara terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan mempunyai perancangan untuk menaik taraf atau meningkatkan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan di semua lapangan terbang seluruh negara terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak seperti berikut:

(i) Projek-projek dan cadangan projek pembangunan yang sedang dirancang di Semenanjung Malaysia:

1. Projek Pembesaran dan Menaiktaraf Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Kedah;
2. Projek Menaiktaraf dan Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang; dan
3. Projek Pembesaran dan Menaiktaraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, Kelantan;

(ii) Senarai cadangan projek bagi Sabah dan Sarawak:

1. Cadangan Pembesaran Lapangan Terbang Sandakan, Sabah;
2. Cadangan Pembinaan Lapangan Terbang Baharu Lawas, Sarawak; dan
3. Cadangan Pembesaran dan Menaiktaraf Bangunan Terminal Lapangan Terbang Miri, Sarawak.

Selain daripada itu, Kementerian Pengangkutan melalui Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) turut melaksanakan beberapa projek penambahbaikan bertujuan meningkat dan memperkukuhkan tahap perkhidmatan yang disediakan di lapangan terbang negara di bawah seliaan syarikat tersebut. Dalam hubungan ini, menurut MAHB, bagi tahun 2018 ini sahaja, MAHB telah memperuntukkan sebanyak RM554 juta untuk melaksanakan 277 projek penambahbaikan di 26 lapangan terbang seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Kementerian Pengangkutan akan terus memantau prestasi pengendalian penumpang, kargo dan pergerakan pesawat di semua lapangan terbang negara dan akan memastikan ianya memenuhi permintaan sedia ada. Dalam hubungan ini, tertakluk kepada kedudukan kewangan negara, tumpuan akan diberikan kepada projek menaik taraf atau meningkatkan kemudahan infrastruktur di lapangan terbang yang lebih kritikal dan telah mencapai had kapasitinya.

Bagi memastikan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan di semua lapangan terbang seluruh negara terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak berada di dalam keadaan yang selamat dan selesa, pihak Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) kini sedang melaksanakan rangka kerja *Quality of Service* ("QoS") yang akan dilaksanakan secara berperingkat di semua lapangan terbang mulai September 2018. Rangka kerja ini bertujuan untuk memastikan pihak pengendali lapangan terbang menjalankan langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan keselesaan semua pengguna lapangan terbang tersebut. Rangka kerja ini akan turut memperkenalkan penalti kewangan kepada pihak pengendali lapangan terbang yang gagal mematuhi standard yang telah ditetapkan.